



APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Nor Azlah Sham Rambely. (2026). Sejarah Baling: Kritikan terhadap mitos dan evolusi penempatan masyarakat. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 4, 105-121. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2026.4.6>

SEJARAH BALING: KRITIKAN TERHADAP MITOS DAN EVOLUSI PENEMPATAN MASYARAKAT

(The History of Baling: A Critique of Myths and the Evolution of Community Settlements)

¹Nor Azlah Sham Rambely

¹Unit Sejarah dan Kenegaraan,
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM

¹Corresponding author: azlah@uum.edu.my

Received: 20/01/2026

Revised: 01/03/2026

Accepted: 22/07/2026

Published: 31/07/2026

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan untuk menganalisis asal-usul sejarah dan evolusi penempatan manusia di daerah Baling, Kedah. Kajian ini mengkaji secara kritis perbezaan antara tradisi lisan, mitos, dan bukti sejarah berhubung penamaan serta pembentukan komuniti di kawasan ini. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan deskriptif terhadap sumber primer dan sekunder. Data dikumpul daripada manuskrip sejarah seperti *Hikayat Merong Mahawangsa*, rekod arkib kerajaan, dokumen rasmi, serta kajian terdahulu bagi memastikan ketepatan naratif sejarah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa etimologi "Baling" sering dikaitkan dengan legenda *Raja Bersiong*, namun bukti linguistik menunjukkan asal-usul daripada istilah Siam "Ban Ling" (Kampung Kera) adalah lebih signifikan dari sudut sejarah. Secara kronologis, penempatan awal didorong oleh penghijrahan masyarakat Siam akibat konflik wilayah, disusuli dengan kemasukan masyarakat Melayu Patani, Cina, dan kaum Orang Asli yang membentuk kepelbagaian demografi daerah ini. Kajian ini menyumbang kepada historiografi tempatan dengan menjelaskan dikotomi antara mitos dan fakta sejarah. Hasil kajian memberikan input berharga kepada penyelidik dan penggubal dasar dalam memahami evolusi sosio budaya serta integrasi masyarakat berbilang etnik di Baling.

Kata kunci: Baling, sejarah asal-usul, penghijrahan, penempatan, pengaruh Siam.

ABSTRACT

This article analyses the historical origins and evolution of human settlement in the district of Baling, Kedah. It critically examines the divergence between oral traditions, myths and historical evidence concerning the naming of Baling and the formation of communities in the area. The study adopts a qualitative approach using descriptive content analysis of primary and secondary sources. Data were gathered from historical manuscripts such as the Hikayat Merong Mahawangsa, government archival records, official documents and previous studies to assess the accuracy of historical narratives. The findings show that the etymology of "Baling" is often associated with the legend of Raja Bersiong. However, linguistic evidence suggests that its derivation from the Siamese term Ban Ling (Monkey Village) is historically more plausible. Chronologically, settlement development was driven by the migration of Siamese communities because of regional conflicts, followed by the arrival of Patani Malays, Chinese and Indians, alongside the presence of Orang Asli communities, all of whom contributed to the district's demographic diversity. This study contributes to local historiography by clarifying the distinction between myth and historical fact. The findings provide useful insights for researchers and policymakers seeking to understand Baling's sociocultural evolution and the integration of its multi-ethnic communities.

Keywords: Baling, historical origins, migration, settlement patterns, Siamese influence.

PENGENALAN

Sejarah sesebuah kawasan memainkan peranan penting dalam membentuk identiti dan kesinambungan budaya sesebuah komuniti. Bagi daerah Baling di negeri Kedah, naratif sejarahnya bukan sahaja merangkumi catatan rasmi mengenai pentadbiran dan pembangunan, malah sarat dengan tradisi lisan yang diwarisi turun-temurun oleh masyarakat setempat. Walau bagaimanapun, terdapat jurang yang ketara dalam kefahaman sejarah Baling, terutamanya mengenai asal-usul nama tempat tersebut yang sering kali menjadi polemik antara fakta sejarah dan unsur mitos.

Persoalan utama yang mencetuskan kajian ini adalah pertembungan naratif mengenai asal-usul nama "Baling". Terdapat dua sumber utama yang sering dirujuk; pertamanya adalah melalui mitos dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* (HMM) yang mengaitkan nama tersebut dengan legenda Raja Bersiong, iaitu seorang pemerintah zalim yang dikatakan membaling siungnya semasa melarikan diri. Sebaliknya, sumber linguistik dan kajian sejarah lain mencadangkan asal-usul nama Baling berakar umbi daripada perkataan Siam, *Ban Ling*, yang bermaksud "Kampung Kera". Menurut Ismail Hamid (1986), walaupun unsur mitos dan legenda dalam HMM sering diklasifikasikan sebagai karya hiburan atau sastera sejarah, kewujudannya dalam tradisi lisan masyarakat Melayu tidak boleh dinafikan kerana ia sering dianggap sebagai catatan kebenaran bagi masyarakat tradisional.

Selain persoalan etimologi, sejarah Baling juga tidak dapat dipisahkan daripada dinamika penghijrahan dan penempatan penduduk pelbagai kaum. Daerah ini menjadi saksi kepada percampuran etnik yang kompleks, melibatkan masyarakat Siam, Melayu Patani, Cina, India, dan Orang Asli yang masing-masing membawa corak sosio budaya tersendiri. Kepelbagaian ini dipengaruhi oleh faktor geografi, peperangan

serantau, dan dasar pentadbiran pada masa lampau, termasuklah pengaruh Siam yang berpanjangan di Kedah sebelum Perjanjian Inggeris-Siam 1909 (Bonney, 1971).

Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis secara kritis asal-usul sejarah daerah Baling dengan membezakan antara naratif mitos dalam karya historiografi tempatan dan bukti sejarah yang lebih empirikal. Kajian ini juga akan meneliti pola penghijrahan dan perkembangan penempatan penduduk di daerah Baling dari perspektif sosiobudaya. Melalui analisis ini, adalah diharapkan agar satu kerangka sejarah yang objektif dapat dibina bagi memperjelaskan dikotomi antara mitos dan fakta, sekali gus memberikan kefahaman yang lebih mendalam mengenai evolusi demografi dan sejarah Baling.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bersifat deskriptif bagi menganalisis asal-usul sejarah dan pola penempatan penduduk di daerah Baling, Kedah. Reka bentuk kajian ini memfokuskan kepada analisis kandungan (*content analysis*) terhadap sumber-sumber primer dan sekunder untuk merungkai naratif sejarah yang kompleks.


Pengumpulan data dilakukan melalui kaedah kajian kepustakaan dan arkib. Sumber primer yang utama merangkumi manuskrip sejarah seperti *Hikayat Merong Mahawangsa* (HMM), dokumen arkib kerajaan termasuk Fail Gerakan Sempadan (1946-1960), serta laporan rasmi daripada Warta Darulaman. Selain itu, data disokong oleh sumber sekunder yang terdiri daripada jurnal akademik, buku ilmiah, tesis, dan kertas kerja konvensyen sejarah yang berkaitan dengan sejarah Kedah dan penempatan etnik di kawasan utara Semenanjung.

Proses analisis data melibatkan kritikan sumber secara luaran dan dalaman. Langkah ini bertujuan untuk membezakan antara fakta sejarah, legenda, dan mitos. Maklumat disusun secara kronologis untuk meneliti kemasukan etnik Siam, Melayu Patani, Cina, dan Orang Asli. Analisis ini membina kerangka objektif mengenai evolusi demografi serta faktor penghijrahan yang membentuk identiti sosiobudaya Baling.

DAERAH BALING

Jadual 1

Peta Daerah Baling



Sebagai salah satu daripada sebelas daerah di Kedah Darul Aman, Baling merupakan daerah kedua terbesar selepas Daerah Sik, dengan keluasan meliputi 1,530 kilometer persegi (152,900.65 hektar). Daerah ini terletak di bahagian selatan negeri Kedah pada kedudukan garis lintang 539'U. Dari sudut persempadanan, Baling bersempadan dengan Betong (Thailand) dan negeri Perak di timur, manakala di sebelah baratnya bersempadan dengan Daerah Sik dan Kuala Muda. Di bahagian selatan pula, Baling bertemu dengan Daerah Kulim. Garis sempadan dengan Kulim bermula dari Kuala Sungai Sedim hingga ke Hutan Simpan Gunung Inas mengikut tebing kanan sungai tersebut. Bagi sempadan dengan Daerah Kuala Muda, jajaran sempadannya ditetapkan bermula dari Sungai Sedim dan mengikut aliran tengah Sungai Muda ke utara sehingga ke sempadan Daerah Sik.

Dari perspektif topografi, Baling dicirikan oleh kawasan tanah pamah di bahagian tengah, yang berubah menjadi rupa bumi berbukit-bukau dengan ketinggian melebihi 1,000 kaki di kawasan sempadan Thailand. Secara pentadbirannya, daerah pedalaman ini dibahagikan kepada enam mukim utama, iaitu Tawar, Pulau, Kupang, Teloi Kanan, Bongor, dan Siong. Aktiviti ekonomi penduduk di kawasan ini secara tradisinya tertumpu kepada penanaman padi dan penorehan getah.

Sejarah daerah Baling dicirikan oleh rangkaian kronologi peristiwa yang memperlihatkan evolusi politik dan sosial kawasan tersebut merentasi zaman. Bermula pada era prasejarah, daerah ini telah menjadi petempatan bagi komuniti pribumi, khususnya masyarakat Orang Asli dan etnik Melayu, yang memanfaatkan kelestarian sumber alam untuk kehidupan mereka. Apabila memasuki abad ke-6 Masihi, Baling secara pentadbirannya terangkum di bawah pengaruh kerajaan Kedah Tua yang unggul pada ketika

itu. Dinamika politik serantau kemudiannya membawa kepada peralihan kuasa di bawah Kesultanan Melaka pada abad ke-14, sebelum Kedah memulihkan kedaulatannya susulan kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511. Pergolakan wilayah terus berlaku apabila pengaruh tentera Siam mula mencabar kestabilan Kesultanan Kedah menjelang abad ke-18. Ketegangan ini memuncak pada tahun 1821 apabila Baling diletakkan di bawah penguasaan Siam, satu situasi yang hanya berakhir menerusi Perjanjian Bangkok 1909 apabila wilayah tersebut diserahkan semula di bawah pentadbiran British. Dalam konteks ekonomi era kolonial, Baling berperanan signifikan sebagai hab pertanian, khususnya melalui sistem penanaman padi sawah yang subur di kawasan tanah rendah yang menyumbang kepada kedudukan daerah ini sebagai salah satu pusat pengeluaran beras utama di Kedah.

Pada zaman kemerdekaan Malaysia, Baling terus berkembang sebagai sebuah bandar yang penting di Kedah. Pada tahun 1955, Baling menjadi tempat berlakunya peristiwa yang dikenali sebagai “Peristiwa Baling”. Peristiwa tersebut melibatkan pertemuan antara Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Tunku Abdul Rahman, dan pemimpin Komunis Malaya, Chin Peng, dalam usaha untuk mencapai perjanjian damai. Walau bagaimanapun, perundingan tersebut tidak berhasil dan pertemuan tersebut dianggap sebagai peristiwa penting dalam sejarah perjuangan kemerdekaan Malaysia.

Sejak itu, Baling terus berkembang sebagai sebuah bandar yang moden dengan pelbagai kemudahan dan perkembangan ekonomi. Ia terus menjadi pusat pentadbiran dan perdagangan di Kedah serta terus memainkan peranan penting dalam sektor pertanian negara (Fatin Zulaikha, n.d.).

Sistem pentadbiran di daerah Baling secara rasminya bermula pada tahun 1852 dengan perlantikan Hakim Mohd Bakhir Bin Mia Nasruddin sebagai Penghulu. Namun, satu anjakan paradigma dalam urusan tadbir daerah ini berlaku pada tahun 1908 melalui perlantikan Che Ahmad Deli sebagai Pegawai Daerah pertama. Detik ini mencetuskan pembangunan infrastruktur kerajaan yang lebih tersusun, termasuklah penubuhan Pejabat Tanah, Balai Polis, Pejabat Pos, dan sekolah. Sebagai kesinambungan kepada pembangunan pentadbiran tersebut, sebuah bangunan kayu yang berfungsi sebagai Pejabat Daerah telah didirikan pada tahun 1955 di tapak Majlis Daerah sekarang, dengan kos pembinaan berjumlah RM125,000. Bangunan ini seterusnya dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Kedah pada 11 November 1955. (Pejabat Daerah Baling, 2011)

Daerah Baling mempunyai pola kepelbagaian kaum di mana di samping kaum-kaum Melayu, Cina, India dan Thai terdapat juga kaum Orang Asli yang tinggal di Kampung Legong Mukim Siong iaitu satu-satunya perkampungan Orang Asli di Negeri Kedah Darul Aman ini. Menurut kajian Major P.D.R. Williams-Hunt, Advisor on Aborigines, Federation of Malaya pada tahun 1952, Orang Asli ini adalah daripada keturunan Negritos.

ASAL-USUL BALING

Baling mempunyai tiga versi sejarah awal yang menarik. Nama daerah ini dikesan melalui tiga sumber utama iaitu mitos dalam Hikayat Merong Mahawangsa (HMM), istilah Siam "Ban Ling" merujuk kepada penempatan Siam (Warta Darulaman, 1992), dan pembukaan Kota Bandar catatan dalam At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah (Muhammad Hassan, 2018).

Versi Hikayat Merong Mahawangsa

Hikayat Merong Mahawangsa (HMM) merupakan karya historiografi Melayu yang sering mengadunkan fakta sejarah dengan unsur mitos. Antara naratif yang paling dominan di Baling ialah legenda Raja Bersiong (Raja Ong Maha Perita Deria). Akibat kegemarannya memakan hati dan darah manusia, rakyat telah memberontak sehingga memaksa baginda melarikan diri ke kawasan pedalaman. Tradisi lisan mengaitkan siri pelarian ini dengan penamaan beberapa tempat seperti Tawar, Kuala Pegang, Siong, dan Baling (Siti Hawa Haji Saleh, 1991).

Walau bagaimanapun, naratif yang bersandarkan mitos Raja Bersiong ini sukar diterima sebagai hakikat sejarah yang sahih. Ramai sarjana seperti J.C. Bottom, R.A. Kern, dan R.O. Winstedt mengklasifikasikan HMM sebagai karya sastera sejarah yang mengandungi unsur khayalan serta menyimpang daripada realiti saintifik (Nor Azlah Sham Rambely, 1997). Meskipun begitu, Ismail Hamid (1986) berpendapat bahawa mitos ini tetap mempunyai nilai sebagai catatan kebenaran dalam kerangka pemikiran masyarakat Melayu tradisional. Kewujudannya dalam tradisi lisan tidak boleh dinafikan kerana masyarakat Melayu hidup secara kolektif. Kemungkinan besar naratif ini digunakan untuk menjelaskan hubungan kait antara nama-nama tempat di daerah Baling atau bertindak sebagai medium untuk menyampaikan kisah kezaliman pemerintah yang tidak boleh dibicarakan secara terbuka pada zaman dahulu.

Penempatan Siam

Versi kedua yang diceritakan ialah pada suatu ketika, masyarakat Siam yang bermastautin di sini mengatakan daerah ini sering dilawati oleh kera. Orang-orang Siam di sini kemudiannya menyebut tempat ini sebagai Ban Ling, iaitu Ban bermakna kampung dan Ling bererti kera atau Kampung Kera. Baling menurut kajian Abdul Rahman Ismail (1992), asalnya ialah sebuah kampung yang terletak berdekatan dengan sebuah gunung, para penduduknya terdiri daripada orang Melayu dan Thai (Siam). Kampung itu diperintah oleh seorang Penghulu Siam yang bernama Nai Sinou. Pekerjaan utama penduduk ialah bersawah dan bercucuk tanam. Mereka juga mempunyai dusun buah-buahan seperti durian, manggis, langsung, rambutan, cempedak dan juga kebun kelapa. Pada masa itu berpuluh-puluh ekor kera selalu datang memakan buah-buahan dan merosakkan apa sahaja tanaman mereka. Kumpulan kera itu dipercayai diketuai oleh seekor kera putih. Oleh kerana kampung itu selalu diganggu oleh kumpulan kera yang besar jumlahnya, para penduduk sentiasa berada di dalam keadaan gelisah. Kera-kera yang datang bukan sahaja memakan buah-buahan dan merosakkan tanaman malah sering mengganggu penduduk terutamanya wanita dan kanak-kanak. Untuk menghindarkan daripada gangguan itu, Penghulu Nai Sinou mengambil keputusan mengadakan upacara pemujaan bersama-sama dengan penduduk kampung (berketurunan Siam). Upacara ini bertujuan menghalau kera-kera daripada kampung itu. Selepas pemujaan tidak ada lagi kera-kera yang datang ke kampung itu. Maka kehidupan penduduk kampung itu terhindarlah daripada gangguan kera-kera liar. Sempena peristiwa itu kampung tersebut dikenali sebagai Kampung Kera iaitu Ban Ling. Tetapi masyarakat Melayu pula mengubah suai sebutan itu dengan Baling sahaja.

Dalam konteks disiplin sejarah, etimologi daripada bahasa Siam dianggap lebih meyakinkan berbanding mitos HMM. Dr. Asmah Haji Omar (1978) menyatakan bahawa kebanyakan nama tempat di utara Kedah mempamerkan kesan pengaruh budaya Thai yang ketara.

Pembukaan Kota

Versi ketiga pula tidak menyatakan tentang asal-usul nama Baling, tetapi kemunculan Baling berasal dari pembukaan kota oleh Raja Kedah yang kedua. Berdasarkan tulisan Haji Buyung Adil dalam Sejarah Kedah, diceritakan Baling mula dibuka oleh seorang Raja Kedah yang kedua, bergelar Maharaja Diraja Putra, putera kepada Maharaja Derbar Raja 1. Maharaja Diraja Putra sangat mengambil berat hal ehwal dalam negeri baginda. Baginda telah berjalan melawat ke merata-rata tempat dalam negeri Kedah. Ketika sampai di daerah Baling, baginda sangat tertarik dengan keadaan alam semula jadi di situ dan mendirikan sebuah kota dan bandar yang baru dan dinamakan baginda Kota Bandar (dalam daerah Baling sekarang) (Konvensyen Sejarah Kedah, 1981). Baginda berpindah bersama Orang Besar-besar Kedah dari Kota Langkasuka bersemayam ke Kota Bandar (Haji Buyung Adil, 1980). Pengkisahan oleh Haji Buyung Adil juga diceritakan dalam kitab sejarah Kedah *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* yang dikarang oleh Muhammad Hassan Bin Dato' Kerani Muhammad Arshad (Muhammad Hassan, 2018).

Syahdan, ada pun Maharaja Derja Putra itu sangat usaha mengambil tahu hal negeri dan suka berjalan merata-rata tempat di dalam negeri. Di dalam hal yang demikian dibangunkan suatu kota di dalam Siong. Tiada berapa lama siaplah kota itu, cukup dengan istana dan Balai Penghadapan dalamnya, dinamakan Kota Bandar. Maka sampai hari ketika yang baik berangkatlah Maharaja Derja Putra dengan sekalian isi istananya pergi bersemayam di Kota Bandar. Maka berhimpunlah segala menteri-menteri dan orang besar-besarnya mafri perbuat tempat kedudukan di Kota Bandar itu. Maka bertambah-tambah ramai orang-orang masuk duduk di Kota Bandar (Muhammad Hassan, 2018, pp. 33–34).

Siong merupakan satu mukim dalam Daerah Baling dan Kota Bandar. Kota Bandar dikatakan penempatan baru oleh Maharaja Derja Putra. Sebuah masjid lama dikenali dengan nama Masjid Tok Bandar dibina di tepi sungai di Gunung Pulai, kemudian dipindahkan ke Pekan Pulai (Batu 42). Makam Tok Bandar dikatakan berdekatan gunung dengan kewujudan salah satu batu nisan 1517 mangkat. Sejarah asal Masjid Tok Bandar mempunyai kaitan rapat dengan Institusi Syahbandar yang dikatakan wujud antara tahun 1689-1736. Pada ketika itu Pulai merupakan pusat pentadbiran yang penting dan strategik terutamanya Kampung Datuk Bandar yang terletak di tepi Sungai Ketil. Salah satu kemudahan utama pada masa itu ialah masjid. Dikenali dengan nama Masjid Tok Bandar Pulai sempena nama pemerintah ketika itu iaitu Datuk Syahbandar. Masjid Tok Bandar, Pulai adalah merupakan masjid yang tertua di Mukim Pulai. Mengikut sejarah lisan, Masjid Tok Bandar yang pertama telah dibina sekitar tahun 1700 di Lot 534, Mukim Pulai. Sejarah asal Masjid Tok Bandar yang pertama mempunyai kaitan rapat dengan Institusi Syahbandar. Pada zaman itu, pusat pentadbiran yang penting dan strategik ialah di Kampung Datuk Bandar yang terletak di tepi Sungai Ketil. Kemudian, pada tahun 1962 lokasi Masjid Tok Bandar, Pulai telah dipindahkan ke tempat baru iaitu di Lot 6810, Pulai. Masjid ini dikenali dengan Masjid Gertak dikalangan masyarakat kampung. Sekarang dinamakan Masjid Lama Pulai. Dengan jumlah pertambahan penduduk, Masjid Tok Bandar, Pulai dipindahkan untuk kali ketiga di tapak baharu iaitu di Lot 1043, Pekan Pulai bertempat di Kampung Bukit Tok Kaya, Pulai. Masjid ini sekarang mula digunakan pada 05 September 2003 (Portal Masjid Malaysia, 2021).

Kesimpulannya, asal-usul Baling boleh dikaitkan dengan unsur mitos dalam historiografi rakyat. Namun, penjelasan yang bersandarkan kepada sebutan Siam "Ban Ling" dilihat lebih mendekati nilai sejarah berdasarkan kajian-kajian empirikal terdahulu.

SEJARAH KEDATANGAN DAN PENEMPATAN PENDUDUK

Kajian arkeologi di Banjaran Baling telah memberikan bukti kukuh mengenai kehadiran manusia prasejarah. Menerusi ekskavasi H.D. Collings (1936) di Gua Pulai dan Gua Debu, penemuan artifak berupa kapak batu Hoabinhian dan Neolitik telah diidentifikasi sebagai indikator awal petempatan (Adi bin Haji Taha, 1991). Selain itu, Gua Kelawar turut menjadi saksi aktiviti manusia awal melalui penemuan sisa makanan dan alat batu Paleolitik. Analisis oleh Muhammad Afiq Omar et al. (2015) di Gua Debu mendedahkan pola penempatan manusia purba yang bijak memilih kawasan gua tinggi dengan pencahayaan baik, yang membuktikan kelestarian aktiviti mereka. Usaha penyelidikan ini kini diteruskan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) bersama ATMA bagi memetakan lokasi prasejarah secara lebih komprehensif di kawasan pergunungan Baling.

Pada tahun 2018, ahli arkeologi UKM dan JWN menemui lapisan kebudayaan setebal tiga meter di sekitar Gunung Pulai. Artifak yang dijumpai termasuk kapak genggam Hoabinhian dan batu giling. Ujian saintifik terhadap cengkerang siput mengesahkan kehadiran manusia sejak akhir zaman Paleolitik, kira-kira 16,000 hingga 17,000 tahun lalu. Sebelum itu, pada Mac 2012, JWN telah menjejaki semula tapak ekskavasi Collings dan menemui pelbagai alat batu serta sisa makanan purba di beberapa gua lain (Ibrahim, 2020).

Banjaran Baling, yang merupakan rangkaian tiga buah gunung yang saling bersambung, telah menjadi lokasi tinjauan lapangan semula oleh sekumpulan penyelidik dari Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) di bawah pimpinan Profesor Madya Dr. Zuliskandar Ramli. Gunung Pulai terletak di bahagian barat di kawasan Pulai, Gunung Baling terletak di bahagian timur di kawasan Pekan Baling dan Gunung Besar terletak di utara berhampiran Kampung Padang Che Mas. Lawatan ini bertujuan bagi mencari tapak yang berpotensi untuk diekskavasi dan antara tapak yang telah dilawati ialah Gua Tok Sik, Gua Baling@Berhala, Gua Kecil, Gua Tembus, Gua Kelambu, dan Gua Layang. Hasil tinjauan mendapati bahawa terdapat banyak jumpaan pecahan tembikar tanah, batu pebel dan cangkerang siput jenis *brodia costula* di Gua Tok Sik manakala terdapat jumpaan alat batu dan cangkerang siput jenis *brodia costula* di Gua Baling@Berhala. Gua Kelambu, Gua Layang, Gua Tembus dan Gua Tok Sik terletak di Gunung Pulai, manakala Gua Baling@Berhala terletak di Gunung Baling (Muhammad Afiq Omar et al., 2015).

Dengan hasil dapatan semasa lawatan semula di Banjaran Baling ini dapat menggambarkan lagi situasi dan keadaan kehidupan masyarakat prasejarah yang menetap di Baling ini. Mereka mungkin menggunakan gua yang terdapat di sekeliling mereka sebagai tempat transit semasa menjalankan aktiviti harian mereka seperti memburu dan memungut hasil hutan. Tetapi, penempatan mereka yang sebenar masih lagi tidak dapat dikenal pasti secara sah. Mungkin juga Gua Besar yang terletak di Gunung Besar di Kampung Padang Che Mas merupakan penempatan utama mereka berdasarkan saiz gua tersebut yang begitu besar serta banyak jumpaan alat batu hoabinhian dan pecahan tembikar. Kajian susulan perlu dibuat dan tinjauan secara menyeluruh perlu dilakukan bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang masyarakat prasejarah yang menetap di situ (Muhammad Afiq Omar et al., 2015).

Kepentingan penemuan arkeologi ini adalah sangat signifikan kepada historiografi daerah Baling dan negeri Kedah secara keseluruhannya. Pertama, ia membuktikan bahawa Baling merupakan habitat penting bagi masyarakat prasejarah yang menyumbang kepada kronologi awal penempatan manusia di Semenanjung Tanah Melayu. Kedua, penemuan ini memberikan data sokongan bagi melengkapkan "ruang kosong" dalam kronologi sejarah Kedah, khususnya dalam menjawab persoalan mengenai kesinambungan tamadun daripada zaman prasejarah kepada zaman protosejarah, dan seterusnya ke arah pembentukan Kerajaan Kedah Tua. Dengan wujudnya tapak-tapak arkeologi yang berpotensi untuk diekskavasi seperti Gua Tok Sik dan Gua Baling@Berhala, Baling kini diiktiraf sebagai salah satu kawasan yang kritikal dalam memahami ekologi habitat manusia purba di utara Semenanjung, sekaligus memberikan perspektif

baru bahawa kawasan pedalaman juga merupakan nadi penting kepada perkembangan ketamadunan awal di rantau ini.

Berdasarkan artifak yang ditemui di Baling oleh Collings, ahli arkeologi, manusia pertama menghuni di daerah Baling diyakini dari zaman Neolitik (Zaman Batu Baru), apabila tinggalan-tinggalan seperti kapak persegi dan kapak bahu ditemui di gua-gua batu kapur iaitu Gua Debu dan Gua Kelawar di Gunung Baling (Adi bin Haji Taha & Othman Mohd Yatim, 1981).

Bagi tempoh selepas zaman prasejarah, sukar untuk menentukan bila dan oleh siapa sesuatu penempatan didirikan. Namun demikian, penulis berpendapat bahawa sejarah awal kedatangan dan penempatan penduduk di daerah Baling lebih berkait dengan masyarakat Siam. Kewujudan banyak penempatan masyarakat Siam di Kedah bukanlah sesuatu yang luar biasa. Hal ini berkait dengan sejarah Kedah yang berada di bawah penguasaan Siam antara tahun 1821 hingga 1842 dan kemudiannya terus dipengaruhi Siam sehingga termeterainya Perjanjian Inggeris-Siam 1909 (Bonney, 1971).

Dalam satu pelaporan akhbar oleh Ernest Woodford Birch (Residen British ke-8 di Perak) tentang perjalanan beliau ke Klian Intan, 'My Visit to Klian Intan' menjelaskan persepadanan antara negeri-negeri Kedah, Patani dan Perak.

On Sunday morning, the 13th of June, we walked down, accompanied by Mr Pearse, about two miles to his dam. On our return we walked up the hill where Mr Kemp is working, and on which one of his mine managers live. It was a steep climb of over 1,100 feet, but we were rewarded on arrival at the top by a glorious view. In the long-distance westward was Kedah Peak: below to the north lay the far-stretching Patani Valleys: to the south were visible the Perak river and the towering mass of Kendrong (4,000); while in the east one could see the Legoh and Kelantan hills (Birch, 1910, p. 2).

Selain itu, satu kisah penceritaan perjalanan William Edward Maxwell berjalan kaki ke sempadan Patani pada tahun 1876, melalui Perak, Kedah (Baling) dan hingga sempadan Patani, beliau menjelaskan kisah mengenai wilayah yang diperintah dan dikuasai oleh Raja Patani.

The Perak Malays claim that the mines of Intan were originally opened by men of their country under the auspices of the Sri Adika Raja. Chief of Ulu Perak. I have found in any European author occurs in Anderson's "Considerations", where he mentions a letter written by the Raja of Perak to the Raja of Kedah in 1814 containing the following passage: -"The Patani people have attacked our country and taken possession of our tin-mines". After this occurrence considerable exertions seem to have been made by the Government of Penang to facilitate intercourse with Patani and to encourage the export of tin with the view of benefiting the trade of their Settlement (The Intan Mines, 1908, p. 6).

Pada hakikatnya, kedudukan yang hampir sama dari segi geografi dan tidak adanya batas sempadan yang tertentu (sebelum Perjanjian tahun 1909) serta adanya pengaruh Siam yang berpanjangan, tidaklah keterlaluan dikatakan bahawa penghijrahan mereka berlaku dalam tempoh pengaruh Siam ke atas Kedah dan berakhir setelah tempoh itu berakhir. Ini dapat difahamkan bila ditinjau secara menyeluruh didapati kebanyakan penempatan kampung Siam adalah terletak di bahagian pedalaman Kedah, seperti yang boleh dijumpai di Changlun (daerah Kubang Pasu), Pokok Sena (daerah Padang Terap), Padang Pusing (daerah Kota Setar) dan daerah Baling dan Sik.

Mohd Shabari Haji Ghazali (1983) menjelaskan secara umumnya, kedatangan orang Siam ke kawasan sebelah sini adalah akibat daripada peperangan Siam-Burma yang berlaku pada akhir abad ke 18. Peperangan tradisi antara Siam dengan Burma bermula sejak tahun 1778 lagi. Sebelum itu daerah-daerah seperti Laos, Kemboja dan wilayah-wilayah selatan termasuk Kedah sendiri telahpun berada di bawah naungan Siam. Oleh sebab kekejaman yang dilakukan oleh Burma dan juga rasa bosan terhadap peperangan, maka orang Siam ini telah melarikan diri untuk mencari perlindungan.

Faktor kedua adalah berpunca daripada pemerintah Siam sendiri yang suka melakukan kekejaman menangkap atau membunuh sesiapa yang disyaki cuba mengelakkan dari membekalkan makanan kepada tentera Siam. Harta benda mangsa akan dirampas dan dimusnahkan. Tanah-tanah mereka diambil dan diserahkan kepada orang lain yang mahu mengusahakannya. Begitu juga, rakyat dipaksa menyertai peperangan, baik mempertahankan negeri mahupun menyerang negeri lain. Sekiranya ada yang mengelak dan melarikan diri, akan ditangkap, disiksa atau dibunuh. Terutamanya pada tahun 1872, bila Pya Chakri (Rama 1) naik menjadi Raja Siam dan Raja Bodawpaya mengambil alih pemerintahan Burma. Dengan naik kedua-duanya ini, maka peperangan meletus semula antara dua kuasa itu. Jadi orang Siam sentiasa berada di dalam keadaan bimbang dan curiga akan dilibatkan sama dalam pertelingkahan ini (Mohd Shabari Haji Ghazali, 1983).

Faktor seterusnya kedatangan mereka, adalah bertujuan untuk mencari tempat yang sesuai untuk bercucuk tanam, khususnya di kawasan-kawasan lembah yang sesuai untuk menanam padi. Ini adalah semata-mata untuk cuba merubah nasib di tempat lain untuk meninggikan taraf hidup sendiri. Di samping itu faktor keegoan bangsa juga menjadi pendorong kepada penghijrahan ini. Orang-orang Siam menganggap bahawa negeri-negeri utara Semenanjung adalah negeri jajahan kerajaan Siam; jadi mereka bebas bergerak di negeri-negeri itu.

Selain itu faktor geografi juga mempengaruhi proses penghijrahan ini. Kedatangan orang-orang Siam ke daerah ini (daerah Baling dan sekitarnya) adalah keseluruhannya melalui jalan darat. Oleh kerana jarak antara kampung mereka dengan negeri Thai khususnya Pekan Betong, hanya lebih kurang 18km sahaja, maka kedatangan mereka terjadi secara beransur-ansur dan kadangkala berulang- alik antara dua tempat itu. Mereka datang dengan cara berjalan kaki dan menaiki kereta lembu.

Di tempat-tempat yang agak sesuai untuk bercucuk tanam dan belum ada lagi penempatan di kawasan itu, mereka akan dirikan perkampungan. Manakala yang ingin mencari tempat lain akan meneruskan perjalanan mereka. Oleh sebab itu terjadinya kelompok-kelompok masyarakat Siam di beberapa tempat yang jarak di antara satu sama lain kurang 19 km. Misalnya perkampungan masyarakat Siam di Tasik, Perak yang jauhnya di utara lebih kurang 10 km. Perkampungan Siam di Sira Qho yang terletak di sebelah selatan Kampung Simpang Empat hanya 7 km (Mohd Shabari Haji Ghazali, 1983). Ringkasnya, kedatangan orang-orang Thai (Siam) ke Kedah pada umumnya merupakan lanjutan dari satu-satu peristiwa yang telah wujud sebelumnya seperti peperangan atau krisis ekonomi yang teruk sehingga memaksa mereka melakukan penghijrahan (Archambault, 1957).

Memfokus pula kepada daerah Baling, perkataan Baling yang berasal daripada perkataan Siam iaitu Ban Ling, menjadi sumber berkenaan sejarah kedatangan dan penempatan penduduk Siam di daerah Baling. Menurut cerita tersebut, daerah ini mula-mula diteroka oleh orang-orang Siam di suatu tempat di kaki Gunung Baling (sekarang dikenali sebagai Kampung Banggul Lada). Terdapat lebih kurang 235 buah rumah sahaja pada masa itu, iaitu 200 buah rumah orang Siam dan 35 buah rumah orang Melayu (Warta Darulaman, 1992).

W. W. Skeat juga telah menyebut, dalam perjalanannya ke Baling bertarikh 8 Januari 1900 dari Alor Setar, beliau telah melalui Kampung Jeneri, Kampung Biak dan Kampung Teloi (dalam daerah Baling). Selepas

melalui Kampung Teloi beliau telah berhenti di sebuah perkampungan yang besar (...*our next halting place was a big village, nearly a mile long...*). Di sini beliau melihat rangka kayu kerbau (*Buffalo stocks*) dibina sama seperti yang digunakan untuk gajah (*chelong*) di negeri Patani. Skeat juga melihat majoriti orang lelaki di kampung tersebut memakai kain lepas situng (*loose waist close*) seperti mana yang beliau lihat di Jalor dalam daerah Patani di Siam (Skeat, 1953). Tidak diketahui nama kampung tersebut, tetapi yang pastinya kampung tersebut masih dalam daerah Baling, kerana diceritakan Skeat meneruskan perjalanan melalui Sungai Tembat, Sungai Keriang sehingga ke sebuah kampung yang disangkanya Baling. Tetapi beliau membetulkan anggapannya bahawa tempat tersebut bukanlah Baling sebaliknya bernama Kampung Che Wan Kechil. Kampung Che Wan Kechik sememangnya merupakan sebuah kampung di Pulau, Baling yang dikenali juga sebagai Kota Bandar. Jelaslah masyarakat Siam telah lama menghuni di daerah Baling ini.

Berdasarkan kajian Mohd. Shabari Haji Ghazali (1983) yang menggunakan temu bual dengan masyarakat Siam di Baling, penempatan Siam yang paling awal di daerah Baling adalah di Kampung Simpang Empat. Penubuhan kampung ini dikatakan diasaskan oleh seorang dari dua orang askar Siam adik-beradik Thong dan Pet. Pet dikatakan menubuhkan sebuah perkampungan di daerah Baling yang kini dikenali dengan nama Kampung Dalam Wang. Tetapi disebabkan kampung ini tidak terdapat kawasan lembah, maka dia berpindah ke kawasan baru yang sekarang dipanggil Kampung Terap. Dari sini Pet telah menghubungi masyarakat Siam yang tinggal di selatan Thailand dan dibawa bersama ke Kampung Terap. Bermulalah kelompok-kelompok masyarakat Siam yang berhijrah ke sini dan membuka beberapa kawasan yang lembahnya agak luas untuk bercucuk tanam berdekatan anak-anak sungai.

Kesan daripada kegiatan mereka ini maka wujudlah kampung-kampung baru di mana, dalam daerah Baling sahaja terdapat enam buah kampung Siam. Kampung-kampung itu ialah Kampung Caruk Juan, Kampung Kubur Tanah, Kampung Baling Dalam, Kampung Tengah atau Kampung Watt, Kampung Caruk Buluh dan Kampung Terap. Jarak antara perkampungan ini hanya lebih kurang satu hingga satu setengah kilo meter sahaja. Kampung-kampung ini semuanya diduduki oleh orang Siam yang mana terdapat hanya lima hingga sepuluh buah rumah sahaja. Kampung Tengah atau Watt merupakan sebuah kampung yang terletak di tengah-tengah kampung-kampung tersebut, manakala kampung Charok Juan dan Charok Buluh terletak di sebelah utara dan barat kampung itu. Kampung Baling Dalam, Kampung Kubur Tanah dan Kampung Terap masing-masing terletak di sebelah selatan, barat daya dan timur laut Kampung Tengah.

Akibat Darurat yang bermula pada tahun 1948, penduduk-penduduk kampung yang tinggal berdekatan dengan hutan-belukar (khususnya orang bukan Melayu) dipindahkan dan diberi penempatan baharu. Perpindahan ini adalah salah satu daripada rancangan kerajaan untuk mengelakkan orang-orang Siam ini dari dipaksa bekerjasama dengan komunis dari segi memberi bantuan makanan, perlindungan dan sebagainya. Dalam rancangan ini, lima buah kampung tersebut terlibat. Kampung Tengah ini bukan sahaja berkedudukan di tengah-tengah lima buah kampung Siam yang tersebut di atas, tetapi juga terletak di empat persimpangan, iaitu jalan antara Pekan Baling ke Kroh (Perak) dan jalan antara Kampung Bonggor, Baling dengan Pekan Tasik (Perak). ...*the great bulk of the resettle families at Simpang Empat are of course Siamese namely 75 Siamese families in a total 96 resettle families* (Arkib Negara, Kuala Lumpur).

Selepas wujudnya gabungan penempatan ini dan mengambil sempena dengan kedudukannya, Kampung Tengah ditukar dengan nama Kampung Simpang Empat hinggalah sekarang. Berdasarkan banci penduduk pada tahun 1954, Kampung Simpang Empat mempunyai 480 jumlah penduduk, meliputi 75 keluarga Siam dan 21 keluarga Cina (*Fail Gerakan Sempadan, 1946–1960*, 1946–1960). Bagi membuktikan lagi bahawa sejarah kedatangan dan penempatan penduduk awal di daerah Baling adalah orang Siam, keterangan Din Long s/o Din Chan Tong dapat dijadikan satu teori. Dalam rayuannya supaya tidak dipindahkan ke Kampung Simpang Empat pada tahun 1952, Din Long (keturunan Siam) menjelaskan

bahawa beliau telah tua berumur 70 tahun (*Fail Gerakan Sempadan, 1946–1960*, 1946–1960) (oleh itu kelahirannya adalah pada tahun 1882). Tidak dapat dipastikan sama ada beliau berhijrah ke Baling dari selatan Thailand atau dilahirkan di sini dan sekiranya beliau berhijrah, tidak dapat dipastikan tarikh sebenar beliau berhijrah.

Andaian penulis, sekiranya Din Long berhijrah ke daerah Baling dalam lingkungan umurnya 20 tahun, tahun tersebut ialah 1902. Jelas orang Siam bertapak lebih awal di daerah Baling sebagaimana pertemuan Skeat. Apatah lagi kenyataannya Siam telah memerintah Kedah dari tahun 1821 hingga 1842. Walaupun kewibawaan Siam ke atas negeri-negeri Melayu hanya lenyap selepas Perjanjian Inggeris-Siam yang ditandatangani pada tahun 1909, orang-orang Siam yang telah lama berada di negeri-negeri Melayu tidak berundur kerana perjanjian tersebut.

Justeru itu dapat disimpulkan, daerah Baling ini turut diterokai oleh orang-orang Siam berketurunan Melayu Patani.

Berdasarkan tulisan Ibrahim Shukri dalam Sejarah Kerajaan Melayu Patani, beliau menyatakan majoriti penduduk daerah Baling adalah orang-orang Melayu yang kebanyakannya dari keturunan Melayu Patani. Penghijrahan mereka ke daerah Baling ini mempunyai kaitan dengan pergolakan yang berlaku di Patani pada awal abad kesembilan belas. Pada tahun 1817, Patani di dalam keadaan huru-hara, berpunca daripada dua sebab. Pertama, kerana timbul pemberontakan pembesar Kerajaan Melayu Patani di selatan Thai yang diketuai oleh Tuan Tok Nik Tok Leh menentang kerajaan pusat Patani untuk menuntut kemerdekaan. Kedua, dalam tempoh masa yang sama seorang Gabenor Melayu Patani memberontak menentang Siam di Songkla tetapi gagal. Kedua-dua pemberontakan ini gagal dan menguatkan lagi kekuasaan Siam. Keadaan ini mempengaruhi penghijrahan orang-orang Melayu Patani ke utara Semenanjung. Kumpulan penghijrah ini mendirikan penempatan di tepi-tepi sungai, khususnya kawasan Baling, Pulau dan Kupang. Kemudian barulah ia berkembang membentuk perkampungan-perkampungan kecil yang berselerak di seluruh Baling. Mereka menjalankan usaha bercucuk tanam. Tanaman utama waktu itu ialah tebu, padi dan sayur-sayuran. Setelah getah diperkenalkan di daerah ini iaitu dalam tahun 1930an, barulah penerokaan tanah dibuat secara meluas (Mohammad Daud Haji Abd Hamid, 1980).

Perbincangan seterusnya akan menumpukan pula kepada penempatan Orang Asli. Menurut Carey (1976):

'... the Negritos are the oldest inhabitants of this country, and most authorities think that they came to present-day Western Malaysia about 25,000 years ago. This is based upon archaeological guess-work; but of course, the Negritos have no written history, and no historical documents, and so we cannot really know when first they came to this country.'

Walaupun daerah Baling diterokai awal oleh orang Siam, kehadiran Orang Asli tidak boleh dinafikan. Hingga kini, perkampungan mereka masih wujud di Bongor dan Pulau. Kelompok Kensiu merupakan etnik dominan di Kampung Lalang. Banci oleh Dr. Iskandar Carey pada akhir 1960-an mencatatkan sekitar 120 orang penduduk di sana. Menurut ketua kampung, mereka telah menetap di situ sejak sebelum era pendudukan Jepun (Carey, 1970).

Kaum Orang Asli tinggal di Kampung Legong, Mukim Siong. Ini merupakan satu-satunya perkampungan Orang Asli di Kedah. Kajian Major P.D.R. Williams-Hunt (1952) mengklasifikasikan mereka sebagai keturunan Negritos. Kajian tentang masyarakat Kensiu di Baling turut diterbitkan oleh Carey (1970) dengan judul **The Kensiu Negritos of Baling, Kedah**.

Mengenai orang-orang Cina pula, sejak zaman Kerajaan Langkasuka lagi orang-orang Cina telah pun bertapak di Kedah. Pada peringkat awal, orang-orang Cina yang datang ke Kedah merupakan orang-orang yang menumpang jalan sahaja. Mereka tidak berhajat bermastautin di Kedah. Selepas tahun 1300, pelayaran antara Negeri China dengan Tanah Melayu meningkat maju dan perdagangan antara kedua buah negeri telah diuruskan secara besar-besaran, tetapi orang Cina yang tinggal di Tanah Melayu cuma beberapa ribu sahaja.

Orang-orang Cina yang tinggal di Kedah terdiri daripada peniaga-peniaga kecil dan bilangannya juga sangat terhad. Selepas tahun 1850, kedudukan politik di Kedah semakin kukuh, orang-orang Cina yang datang ke Kedah bertambah dengan pesatnya. Kebanyakan peneroka-peneroka Cina yang mula-mula berhijrah ke Kedah datang berseorangan. Dalam buku berjudul *The Malay Peninsular* yang dikarang oleh A.M. Skinner menunjukkan bilangan penduduk di Kedah pada tahun 1884 sebanyak 150,000 orang, antaranya 100,000 Melayu dan 20,000 orang Cina (Skinner, 1884).

Orang-orang Cina yang mula-mula tinggal di Kedah kebanyakannya berada di Nami dan Gurun. Mengenai kedatangan dan penempatan orang Cina ke Baling pula tidaklah begitu jelas. Tetapi dianggarkan sebelum tahun 1930 lagi masyarakat Cina sudah ramai mendiami kawasan ini. Hal ini dibuktikan dengan kewujudan tiga buah sekolah rendah jenis kebangsaan Cina (S.R.J.K.C) di Baling iaitu S.R.J.K.C. Yeok Chee Baling 1918, S.R.J.K.C. Seng York, Kuala Pegang 1920 dan S.R.J.K.C. Kuala Ketil 1926. Menurut kata-kata mendiang Encik Chong Boon Hean, J.P. bahawa datuknya pernah seorang diri berjalan menyusul tebing sungai untuk mencari tempat penerokaan. Ketika sampai ke hulu Sungai Muda, beliau kehabisan makanan, dan tidak dapat meneruskan perjalanan. Beliau juga tidak dapat meminta sebarang pertolongan kerana tidak ada orang yang tinggal di situ. Tiba-tiba beliau berfikir air sungai itu mengalir ke hilir, tentu ada orang yang tinggal di tebing sungai di bahagian hilir sungai. Oleh itu, beliau membuat rakit lalu mengikat diri di atas rakit dan dihanyut oleh air sungai sehingga beliau tidak sedarkan diri. Apabila beliau terjaga, didapati dirinya berada dalam sebuah rumah orang Melayu. Mengikut fahaman Melayu, bahawa orang yang terlalu lapar jika diberi makan yang terlalu kenyang akan membawa maut. Oleh itu, keluarga Melayu yang menyelamatkannya memasukkan padi dan beras ke dalam buluh untuk menanak nasi. Beras yang ditanak boleh dimakan tetapi padi tidak boleh dimakan walaupun ditanak. Jadi beliau terpaksa memakan secara perlahan-lahan dengan memilih nasi satu persatu supaya sistem penghadaman tidak terjejas. Dengan ini nyawa datuk mendiang Encik Choon Boon Hean, J.P dapat diselamatkan (Tan Hooi Hiam, 1981).

Bukti-bukti ini telah lama diketengahkan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini, dan penulis hanya menjumpai bukti kehadiran penempatan masyarakat Cina di Baling pada tahun 1936 dan 1938. Hal ini berdasarkan surat Cheong Kheong, dari Tanjung Merbau, Kupang, Baling bertarikh 21 Ogos 1952, kepada State Resettlement Officer, Kedah merayu tidak dipindahkan ke Kampung Simpang Empat. Di dalam surat ini, Cheong menyatakan beliau yang bekerja sebagai pengeluar serbuk kopi telah lama mendiami kawasan ini (Kupang) sejak 16 tahun yang lalu (1936) di atas tanah kawannya, Cheah Kim Peow. Begitu juga dalam surat rayuan Teng Sees dari Kampung Tiak, Kupang, pada 22 Ogos 1952, menyatakan bahawa beliau yang berniaga kedai runcit kepada orang Melayu telah lama mendiami kampung ini sejak 14 tahun yang lalu (1938) di atas tanah milik orang Melayu, Che Awang Itam (Fail Gerakan Sempadan, 1946-1960). Justeru itu dapat dibuat andaian bahawa kedatangan dan penempatan masyarakat Cina di daerah Baling bermula di akhir abad ke sembilan belas dan awal abad ke dua puluh.

Mengenai orang-orang India pula iaitu kumpulan minoriti kedua terbesar di daerah Baling, sejarah kedatangan dan penempatan mereka seperti dengan daerah-daerah yang lain, bermula dengan pembukaan ladang-ladang getah oleh Inggeris. Mereka didatangkan sebagai kuli di ladang-ladang tersebut. Sehingga kini penempatan masyarakat India masih berpusat di ladang-ladang getah.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa sejarah daerah Baling merupakan satu naratif yang kompleks, yang terbentuk daripada pertembungan antara tradisi lisan, historiografi tempatan, dan realiti penghijrahan penduduk. Analisis terhadap dokumen menunjukkan bahawa terdapat perbezaan ketara antara kepercayaan mitos masyarakat setempat dengan realiti sejarah yang berasaskan bukti linguistik dan arkeologi.

Historiografi dan Etimologi Nama Baling

Persoalan asal-usul nama "Baling" secara umumnya terbahagi kepada dua kerangka utama: naratif mitos berdasarkan *Hikayat Merong Mahawangsa* (HMM) dan realiti linguistik daripada perkataan Siam, *Ban Ling*. Analisis mendapati bahawa naratif Raja Bersiong, walaupun bersifat khayalan dan diklasifikasikan sebagai karya sastera sejarah, mempunyai fungsi sosial yang besar dalam membentuk jati diri masyarakat Melayu tradisional. Seperti yang dinyatakan oleh Ismail Hamid (1986), kepercayaan terhadap episod ini dalam masyarakat Melayu adalah dianggap sebagai satu catatan kebenaran yang diwarisi secara kolektif.

Sependapat dengan pandangan akademik moden, pakar sejarah dalam perbincangan kontemporari menegaskan bahawa kaitan antara Raja Bersiong dengan Baling hanyalah satu bentuk warisan cerita lisan yang tidak mempunyai bukti empirikal yang kukuh. Walaupun naratif ini sangat popular dan menjadi identiti budaya masyarakat tempatan, pengkaji sejarah berpendapat bahawa ia lebih berfungsi sebagai 'mitos budaya' untuk menjelaskan asal-usul nama tempat, bukannya satu realiti sejarah yang boleh dibuktikan secara saintifik (Rentas7, 2024).

Walau bagaimanapun, dalam disiplin sejarah, etimologi *Ban Ling* (Kampung Kera) dilihat sebagai penjelasan yang lebih rasional dan empirikal. Kajian mengenai pengaruh Thai di utara Kedah, sebagaimana yang disentuh oleh Dr. Asmah Haji Omar, mengukuhkan lagi pandangan bahawa banyak nama tempat di Kedah adalah manifestasi pengaruh Siam zaman dahulu. Oleh itu, Baling wajar dilihat sebagai sebuah penempatan yang mengalami evolusi sebutan daripada "Kampung Kera" kepada "Baling" selaras dengan perubahan demografi penduduk dari etnik Siam kepada masyarakat majoriti Melayu.

Dinamika Migrasi dan Kepelbagaian Komuniti

Evolusi penempatan di Baling menunjukkan pola migrasi yang didorong oleh faktor luaran dan dalaman. Penemuan artifak arkeologi di Gua Debu dan Gua Kelawar mengesahkan bahawa daerah ini telah dihuni sejak zaman Neolitik. Walau bagaimanapun, penempatan moden Baling adalah hasil daripada pergerakan massa masyarakat Siam yang melarikan diri akibat peperangan Siam-Burma dan kekejaman pemerintahan pada abad ke-18 dan ke-19.

Migrasi masyarakat Siam ke Baling bersifat beransur-ansur, berikutan kedudukan geografi yang bersempadan dengan Thailand. Pembentukan kelompok kampung seperti Kampung Simpang Empat, Kampung Terap, dan Kampung Tengah adalah bukti jelas kewujudan komuniti Siam yang dominan pada peringkat awal. Selain masyarakat Siam, kemasukan masyarakat Melayu Patani pada awal abad ke-19 pula didorong oleh pergolakan politik di Patani, yang menyaksikan mereka membuka penempatan di sepanjang lembah sungai seperti Sungai Muda.

Seterusnya, perkembangan ekonomi di Baling, khususnya pengenalan industri getah pada 1930-an, menjadi pemangkin kepada kemasukan masyarakat Cina dan India. Masyarakat Cina, yang awalnya merupakan peniaga kecil, kemudiannya mengukuhkan kedudukan melalui pembukaan sekolah dan perniagaan kedai runcit, seperti yang dibuktikan oleh rekod sekolah-sekolah Cina seawal 1918. Kehadiran

Orang Asli (Kensiu) di Kampung Lalang pula melengkapkan kepelbagaian etnik di Baling, sekali gus membuktikan bahawa Baling adalah sebuah daerah yang sejak sekian lama menjadi titik pertemuan pelbagai budaya yang membentuk identiti unik daerah ini hari ini.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, sejarah daerah Baling merupakan satu manifestasi pertemuan antara naratif mitos dan realiti empirikal yang membentuk identiti unik kawasan tersebut. Walaupun legenda Raja Bersiong sering menjadi sandaran dalam tradisi lisan sebagai penjelasan asal-usul nama "Baling", analisis sejarah secara kritis menunjukkan bahawa penjelasan linguistik berasaskan perkataan Siam, *Ban Ling*, adalah lebih signifikan dan selari dengan konteks sejarah Kedah yang mempunyai pengaruh Thai yang mendalam. Daerah Baling juga telah terbukti menjadi titik pertemuan migrasi pelbagai etnik, bermula dari zaman Neolitik, disusuli dengan penghijrahan masyarakat Siam akibat konflik politik abad ke-18 dan ke-19, serta kemasukan masyarakat Melayu Patani, Cina, dan India. Integrasi dan interaksi antara komuniti-komuniti ini telah membentuk struktur sosiobudaya Baling yang rencam dan harmoni sehingga hari ini. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memperkayakan historiografi tempatan serta menyediakan kerangka rujukan bagi penyelidikan masa depan mengenai evolusi demografi dan integrasi sosial di daerah-daerah sempadan.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada Editorial AHJMM, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM dan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus dari mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

SUMBANGAN PENGARANG

Kesemua bahagian dalam penulisan ini dihasilkan oleh penulis makalah. Penulis telah membaca dan bersetuju dengan versi manuskrip yang diterbitkan.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Adi bin Haji Taha, & Othman Mohd Yatim. (1981). Sejarah awal negeri Kedah berdasarkan penemuan bahan arkeologi. *Konvensyen Sejarah Negeri Kedah*.
- Adi bin Haji Taha. (1991). Perkembangan sejarah awal negeri Kedah berdasarkan penemuan bahan-bahan arkeologi. Dalam *Dokumentasi Konvensyen Sejarah*. Lembaga Muzium Negeri Kedah Darulaman.
- Archambault, C. (1957). A preliminary investigation of the Sam Sam of Kedah and Perlis. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 30(1), 75–92.
- Asmah Haji Omar. (1978). *Kedah aspek kebudayaannya*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Birch, E. W. (1910, April 1). My visit to Klian Intan. *Pinang Gazette and Straits Chronicle*, p. 2.
- Bonney, R. (1971). *Kedah 1771-1821: The search for security and independence*. Oxford University Press.
- Carey, I. (1970). The Kensiu Negritos of Baling, Kedah. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 43(1), 143–154. <https://www.jstor.org/stable/41492020>
- Carey, I. (1976). *Orang Asli: The aboriginal tribes of Peninsular Malaysia*. Oxford University Press.
- Collings, H. D. (1936). Report of an archaeological excavation in Kedah, Malay Peninsula. *Bulletin of the Raffles Museum, Series B, 1*, 5–16.
- Fail Gerakan Sempadan, 1946–1960. (1946–1960). [Fail arkib tidak diterbitkan]. Arkib Negara Malaysia.
- Fatin Zulaikha. (n.d.). Sejarah tentang daerah Baling, Kedah. *Greater Kedah*. <https://greaterkedah.com/sejarah-tentang-daerah-balingkedah/>
- Haji Buyung Adil. (1980). *Sejarah Kedah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Shukri. (1958). *Sejarah kerajaan Melayu Patani*. [Terbitan persendirian; maklumat penerbit perlu disahkan].
- Ibrahim, Z. (2020, January 22). Artifak tua di Gunung Pulau bukti kuari perlu dihalang. *The Malaysian Insight*. <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/214175>
- The Intan mines. (1908, November 25). *The Straits Echo*, p. 6.
- Ismail Hamid. (1986, Jun). Unsur mitos dan legenda dalam sastera sejarah. *Dewan Sastera*.
- Mohd. Shabari Haji Ghazali. (1983). Penempatan orang Siam di Baling. *Jurnal Purba*, 2.
- Muhammad Afiq Omar, Zuliskandar Ramli, Ahmad Helmi Muhd Mukhtar, & Muhamad Shafiq Mohd Ali. (2015). Menelusuri semula jejak prasejarah di Kedah: Penemuan permukaan terbaru di Gua Tok Sik dan lawatan semula tapak Gua Batu Putih, Kodiang. Dalam Zuliskandar Ramli et al. (Eds.), *Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-8 Ekologi, Habitat Manusia dan Perubahan Persekitaran* (pp. 241–250). Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad. (2018). *At-tarikh salasilah negeri Kedah: Kitab sejarah Kedah* (I. Bakar Langkawi, Ed.). Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah.
- Nor Azlah Sham Rambely. (1997). *Sejarah pembangunan Baling sebelum dan selepas peristiwa Memali* [Latihan ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Pejabat Daerah Baling. (2011, Mac 1). Sejarah Pejabat Daerah Baling. <https://pejabatdaerahbaling.blogspot.com/>
- Portal Masjid Malaysia. (2021). *Masjid Sultan Sallehuddin Kariah Tok Bandar Pulau*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. <https://masjid.islam.gov.my/index.php/maklumatDetailMS/1/0201152>
- Rentas7. (2024, Mei 22). Daerah Baling ada kaitan dengan Raja Bersiong? Ini jawapan pakar sejarah. <https://rentas7.com/daerah-baling-ada-kaitan-dengan-raja-bersiong-ini-jawapan-ahli-sejarah/>
- Siti Hawa Haji Saleh. (1991). Hikayat Merong Mahawangsa: Antara mitos dan realiti. Dalam *Dokumentasi Konvensyen Sejarah*. Lembaga Muzium Negeri Kedah Darulaman.
- Skeat, W. W. (1953). Reminiscences of the expedition. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 26(4), 141–142.

- Skinner, A. M. (1884). *A geography of the Malay Peninsula and surrounding countries: Part I, Malay Peninsula, Borneo*. [Penerbit tidak dinyatakan]. <https://doi.org/10.5962/bhl.title.101721>
- Tan Hooi Hiam. (1981). Sejarah kedatangan orang-orang Cina ke Kedah. *Konvensyen Sejarah Negeri Kedah*, 1–5.
- Williams-Hunt, P. D. R. (1952). *An introduction to the Malayan aborigines*. Government Press.